

# Peranan perpustakaan dalam pembangunan masyarakat

OLEH: SYARIMIE WOSLEY

**P**ejabat Perpustakaan dan Pengurusan Ilmu, Universiti Malaysia Kelantan (UMK) pada masa kini bukan sahaja terhad sebagai tempat untuk menimba ilmu dan pusat rujukan malah telah berkembang maju merentasi sempadan operasinya, khususnya dalam melaksanakan program khidmat komuniti kepada masyarakat.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof Abdul Aziz Abd Latif berkata, perpustakaan UMK telah menjadi juara dengan memberi impak besar terhadap aktiviti sosioekonomi dan kemasyarakatan komuniti melalui program *Program Transformasi Pusat Sumber*.

Beliau berkata, sehingga kini sebanyak tiga buah sekolah di negeri Kelantan telah dipilih menyertai program tersebut dan pihaknya berhasrat untuk melaksanakan program seumpamanya ini di seluruh Kelantan.

"Program memasyarakatkan perpustakaan ini telah memberi faedah kepada pihak komuniti khususnya dalam membangunkan sistem aplikasi perpustakaan yang lebih sistematik dan berkesan.

"Selain itu, pihak UMK turut memberi sumbangan seperti dua set komputer, perabot, buku dan sebagainya," katanya pada perasmian *Program Chief Librarian Talk Series 3 2015* bertemakan *Confronting The Service Overlap Between Libraries and Computer Centers*, di Hotel

Azman Hashim dan Pustakawan Kanan, Hairuladzhar Mohd Hamdi. Manakala penceramah jemputan adalah Ketua Pustakawan UKM, Hafsa Mohd; Ketua Pustakawan Unimas, Margeret Simeng dan Ketua Pustakawan UTM, Kamariah Nor Mohd Desa.

Menurut Azman, perpustakaan pada masa kini masih memainkan peranan penting dalam menyediakan kemudahan perkhidmatan untuk mendapatkan sumber maklumat terkini dan kewujudannya masih relevan walaupun berlaku ledakan teknologi maklumat pada hari ini.

Bagaimanapun, peranan dan fungsi perpustakaan pada masa kini telah mencakupi skop yang lebih luas di dalam memberi perkhidmatan dan kemudahan yang melibatkan pengurusan bersama pengguna.

Jelas beliau, perpustakaan pada masa kini perlu memberi perkhidmatan dan kepakaran yang sama seperti pusat komputer contohnya mampu untuk menguruskan sendiri pusat data atau server sendiri dengan kepakaran yang dimiliki oleh Pustakawan.

Beliau berkata, dalam proses transformasi pada masa kini peranan dan tugas Pustakawan tidak lagi sekadar melaksanakan proses peminjaman dan pemulangan buku tetapi mampu memahami keperluan teknologi maklumat di perpustakaan.

"Oleh demikian, pertindihan perkhidmatan yang diberikan antara perpustakaan dan pusat komputer adalah satu isu yang berbangkit hasil

daripada cadangan penggabungan perkhidmatan perpustakaan dan pusat komputer di kebanyakan perpustakaan di luar negara.

"Ideja penggabungan tersebut adalah untuk membimbing dan menghasilkan satu model yang efektif di dalam sesebuah perpustakaan dan pusat komputer," katanya.

Ujar beliau, pertindihan perkhidmatan antara perpustakaan dan pusat komputer timbul daripada konsep *merged organization* di mana penggabungan kedua-dua bahagian ini berkembang mengikut arus masa di samping memudahkan penyebaran maklumat yang disediakan.

"Konsep ini telah diguna pakai secara meluas dan dapat dilihat khususnya di dalam perkhidmatan Perpustakaan Akademik yang menerapkan proses seperti perolehan, pengkatalogan, sirkulasi dan penyimpan bahan secara efektif menggunakan teknologi maklumat (IT) yang juga terdapat di pusat komputer," kata Azman,

Sementara itu, Hairuladzhar menjelaskan, konsep asal perpustakaan telah berubah dari segi perkhidmatan yang disediakan kerana perpustakaan bukan lagi sebagai pusat pinjaman dan tempat membuat rujukan.

Jelas beliau, persepsi itu sudah berubah mengikut arus pemodenan pada masa kini yang menjurus ke arah pendigitalan bahan-bahan rujukan yang membolehkan pengguna mengakses bahan di mana-mana sahaja ataupun bila-bila masa sahaja.

Perdana, Kota Bharu, Kelantan, baru-baru ini.

Program CLTS 3, 2015 yang dihadiri 100 peserta bertujuan menjelaskan secara terperinci mengenai istilah penggunaan antara perpustakaan atau pusat pengurusan ilmu yang sesuai digunakan dalam perpustakaan akademik.

Turut hadir, Ketua Pustakawan Pejabat Perpustakaan dan Pengurusan Ilmu, UMK,



Penuntut sering membanjiri perpustakaan tanpa mengira waktu.

“Peranan perpustakaan juga kini lebih jelas keberadaannya (visibility) di dalam struktur UMK kerana perpustakaan telah banyak mengalami transformasi.

“Contohnya di UMK sendiri, unit penerbitan dan arkib telah diletakkan di bawah Pengurusan Perpustakaan dan secara tidak langsung telah berlaku pengembangan skop perkhidmatan perpustakaan yang lebih luas lagi,” ujarnya.

